

SUMBANGAN PENGAJIAN AKIDAH DALAM MEMBANGUN MINDA MELAYU: SUATU SOROTAN RINGKAS *

Oleh:
Mohd Fauzi Hamat #

Abstract

As far as 'aqidah, as the most essential discipline in Islamic teaching, is concerned, Malay Muslim scholars since a long time ago paid more attention to the teaching of Islamic belief in this region. The preaching of Islam generally and its belief specifically had contributed in developing Malay mind and this development had affected their life accordingly. This article tries to elaborate the role of Malay theologians in

-
- * Makalah ini adalah sebuah kertas kerja penulis bertajuk "Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Sorotan Antara Kenyataan Dan Cabaran Masa Kini" yang telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Malaysia-Surabaya: Agama Sebagai Wadah Keharmonian Negara Dan Masyarakat, anjuran Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas 17 Agustus 1945 (UNTAG), Surabaya, pada 22-25 Ogos 2004 di UNTAG, Surabaya, Indonesia. Beberapa suntingan telah dibuat ke atas makalah ini.
- # Mohd Fauzi bin Hamat, Ph.D ialah pensyarah di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya merangkap Penyelaras Program Pengajian Islam, APIUM.

shaping Malay mind and creating a society having a new pattern of thinking based on the spirit of Islamic theology, especially in the late 16th and 17th century. There is no doubt that the teaching of Islamic theology in Malay world using Malay texts namely Kitab Jawi had contributed to the development of Malay mind and therefore freed them from the influence of any believes opposed to the Islamic teaching.

Pendahuluan

Pengajian akidah adalah satu disiplin pengajian terpenting dalam kurikulum pengajian Islam. Kepentingannya bukan sahaja dilihat dari sudut silibus pengajian atau pokok perbincangan Usuluddinnya yang mendasari seluruh ajaran Islam, tetapi juga dari sudut kemampuannya untuk mempertahankan jatidiri umat Islam dan membangun seluruh potensi ummah sejak zaman berzaman. Pengajian yang berpusat kepada persoalan ketuhanan ini terbukti telah berjaya mencetuskan perubahan ketara dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Menerusi makalah ini, penulis akan cuba mengengahkan kekuatan-kekuatan dalaman yang terkandung dalam pengajian akidah sehingga mampu mencetuskan perubahan dalam minda orang Melayu, sebagaimana yang terpamir pada bawaan imej dan citranya yang mempesonakan.

Kekuatan Pengajian Akidah Sebagai Pencetus Pembangunan Minda Manusia

Sebelum penulis meninjau lebih jauh tentang sumbangan pengajian akidah dalam pembangunan minda Melayu, wajar disorot terlebih dahulu tentang kekuatan-kekuatan dalaman yang terkandung dalam akidah itu sendiri sehingga kegiatan

pengajian dan pengajarannya (P&P) yang berlangsung dalam masyarakat mampu mencetuskan perubahan minda. Susulan daripada itu, ia akan menyumbang pula ke arah wujudnya pembangunan masyarakat dalam bidang-bidang utama kehidupan mereka seperti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Dalam menyoroti elemen kekuatan ini, suatu hakikat yang perlu diterima bahawa pengajian akidah bukan sahaja telah berjaya mewartakan pemikiran orang Melayu di zaman silam, tetapi juga telah berjaya membangun minda mereka agar mereka berpandangan jauh, berfikiran kritis, rasional dan saintifik dalam erti kata yang sebenarnya. Pandangan mereka bukan sahaja terikat dengan alam inderawi, tetapi juga menjangkau alam ukhrawi yang menjadi destini setiap insan bergelar Mukmin.

Dalam huraian berikutnya, penulis akan mengemukakan kekuatan dalaman yang terkandung dalam akidah itu sendiri dan bentuk metodologi pengajaran akidah yang menurut pandangan penulis telah berjaya mencetuskan pembangunan minda Melayu. Antara aspek yang akan difokuskan ialah perubahan minda yang berlaku setelah orang Melayu memperolehi ilmu yang benar dan mencapai makrifah yang hakiki mengenai kewujudan Allah SWT dan kesan yang terhasil dari bentuk penyampaian akidah Islam berasaskan dalil-dalil yang menghasilkan *'ilm al-yaqīn*, misalnya lahirnya masyarakat Melayu yang berpandangan jauh, berfikiran kritis, rasional dan saintifik dan sebagainya.

Analisis akan ditumpukan berdasarkan penelitian penulis terhadap beberapa karya akidah yang tersebar di Alam Melayu, khususnya kitab *Umm al-Barāhīn* yang maksudnya sebagaimana yang diterjemahkan oleh Syaikh Muḥammad Zayn al-Fatānī sebagai "*ibu bagi segala dalil yang mengandungi ia atas segala 'aqā'id*".¹ Karya ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri walaupun ia bersaiz kecil kerana kandungannya dikatakan padat dan menyeluruh, olahannya

¹ Al-Fatānī, al-Syaikh Zayn al-Ābidīn bin Muḥammad, *'Aqīdah al-Nājīn fī 'ilm Uṣūl al-Dīn*, Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabīyyah, hal. 3

ringkas dan mudah, di samping maklumat-maklumat tambahan yang tidak kedapatan pada karya-karya tauhid yang lain. Di samping itu, faktor pengarangnya sebagai seorang 'wali Allah' juga turut mendorong ulama mengiktiraf karya ini sebagai karya bernilai dalam bidang pengajian akidah.²

Pengajian akidah memberi penekanan terhadap hujah-hujah akal dalam perbahasan ilmu. Dalam bidang pengajian akidah, khususnya yang berlangsung pada peringkat awal di Alam Melayu, pendekatan *kalāmiyyah* banyak ditekankan dalam halaqah-halaqah pengajian akidah. Pendekatan bersifat kefalsafahan ini amat bergantung kepada hujah-hujah logik dalam membahaskan isu-isu akidah, khususnya yang melibatkan persoalan sifat-sifat Allah SWT dan perbahasan di sekitarnya. Memandangkan kebanyakan, bahkan hampir keseluruhan karya akidah yang berjaya menembusi Alam Melayu adalah terdiri daripada hasil-hasil tulisan ulama berlatarbelakangkan aliran al-Asya'irah yang turut menggunakan metode akhlah atau hujahan dialektika yang berasaskan logik Aristotle dalam membahaskan isu-isu akidah,³ maka bentuk pengajian akidah yang diterapkan dalam masyarakat Melayu sejak dahulu hingga kini adalah jelas terikat dengan pendekatan tersebut. Menerusi pendekatan tersebut, orang Melayu sekurang-kurangnya telah dilatih untuk mengenali dan mempraktikkan suatu kaedah berfikir yang khusus berasaskan logik dan hukum akal yang diperakui manusia yang waras.

² Wan Suhaimi Wan Abdullah (2001), Beberapa Aspek Epistemologi al-Syaykh Zayn al-'Ābidīn B. Muhammad al-Faṭānī: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya 'Aqidāh al-Nājīn Fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn', *Jurnal AFKĀR*, bil. 2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, UM, h. 109. Bandingkan al-Faṭānī, *ibid*, h. 2.

³ Mohd Nor bin Ngah (1983), *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, Research Notes and Discussions Paper no 33, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 9; Mohd Fauzi Hamat (1997), "Pendekatan Falsafah Dalam Perbincangan 'Ilm al-Kalām Menurut al-Mutakallimūn", *Jurnal Usuluddin*, bil. 7, Dis. 1997., Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya., h. 181-184.

Lazimnya dalam bahagian awal karya akidah, pengarang akan menerangkan isu-isu berkaitan dengan epistemologi.⁴ Antara yang disentuh ialah mengenai hukum akal dan pembahagiannya, penjelasan konsep ilmu, ma'rifah, sumber-sumber ma'rifah serta jenis atau kategori ilmu.⁵ Hukum akal ialah sesuatu hukum yang diketahui pengisbatan atau penafian terhadap sesuatu oleh akal (*'ibārah 'amma yadrik al-'aql thubūtahu aw nafyuh*).⁶ Hukum ini terbahagi kepada wajib, harus dan mustahil.⁷ Pengetahuan mengenai konsep hukum-hukum akal ini adalah penting kerana perbincangan akidah, khususnya dalam bicara ketuhanan banyak melibatkan hujah-hujah akal.

Al-Dusūqī menerangkan bahawa kecenderungan pengarang kitab *Umm al-Barāhīn* menetapkan perbincangan akidah berdasarkan hukum akal adalah didorong oleh

⁴ Untuk keterangan lanjut tentang perbincangan epistemologi, lihat Mohd Fauzi Hamat, "Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam", *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, Julai 2002, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 35-37.

⁵ Kecenderungan ini adalah kecenderungan umum yang digemari oleh para *mutakallimūn* terdahulu, misalnya Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 672 H.) menerusi karyanya *Muḥaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn* dan al-Bayḍāwī (m. 691 H.) menerusi karyanya *Ṭawālī' al-Anwār min Maṭāli' al-Anzār*. Al-Rāzī menamakan perbincangan tentang isu-isu tersebut dengan nama "perbincangan berkaitan dengan al-'Ilm wa al-Nazar", manakala al-Bayḍāwī menamakannya sebagai "perbincangan berkaitan dengan al-Nazar". Lihat al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, Muḥammad ibn 'Umar (1948), *Muḥaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn min al-'Ulamā' wa al-Hukamā' wa al-Mutakallimīn*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 16; al-Bayḍāwī, Naṣīr al-Dīn, 'Abd Allāh ibn 'Umar (1991), *Ṭawālī' al-Anwār min Maṭāli' al-Anzār*. Beirut: Dār al-Jīl, h. 53. Menurut Wan Suhaimi Wan Abdullah, tokoh ulama Nusantara, Syaikh Muḥammad Zayn al-Faṭānī selain dari membahaskan hukum akal, turut membahaskan persoalan-persoalan berkaitan epistemologi di atas walaupun ia tidak dibahaskan oleh pengarang asal Kitab *Umm al-Barāhīn*. Lihat Wan Suhaimi, *Beberapa Aspek Epistemologi*, h. 113.

⁶ Al-Sanūsī, Muḥammad ibn Yūsuf (1939), *Syarḥ Ummi al-Barāhīn*. Misr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 41.

⁷ *Ibid*, h. 51; Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Sheikh (t.t.), *al-Jawāhir al-Saniyyah fī Sharḥ al-'Aqā'id al-Dīniyyah wa Ahkām al-Fiqh al-Mardīyyah wa Ṭarīq al-Sulūk al-Muḥammadiyyah*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādūh, h. 4.

kenyataan bahawa kebanyakan dalil-dalil yang digunakan untuk mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT adalah terdiri daripada dalil-dalil akal.⁸ Imām al-Haramayn dan sekumpulan ulama, sebagaimana yang dilaporkan oleh al-Sanūsī menganggap pengetahuan tentang ketiga-tiga jenis hukum akal ini adalah sinonim dengan maksud akal itu sendiri sehingga sesiapa yang gagal memahaminya dianggap sebagai orang yang tidak berakal (*ma'rifah hādhihi al-aqsām al-thalāthah hiya nafs al-'aql faman lam ya'rif ma'ānihā falaysa bi 'āqilin*).⁹

Kalaupun isu-isu akidah yang dibincangkan dalam karya-karya akidah tulisan Jawi adalah isu-isu akidah yang biasa dibincangkan dalam karya-karya al-Asyā'irah tulisan Arab, namun ia setidak-tidaknya telah mengenegahkan dalam masyarakat satu perbincangan menarik yang memerlukan seseorang itu menggembleng kekuatan mentalnya untuk memahami isu yang dibincangkan. Ia menghendaki mereka berfikir secara serius, rasional dan saintifik. Lihat misalnya bentuk hujah Abū Hasan al-Asy'arī dalam menolak konsep *al-salāh wa al-aṣlah*, membahaskan isu *murtakib al-kabirah* dan isu-isu sifat Allah SWT yang begitu menarik untuk diamati. Kalaupun penonjolan bentuk-bentuk perbincangan seperti ini boleh dipertikaikan dari sudut kesesuaiannya untuk diketengahkan kepada orang awam, namun untuk golongan elit 'neo-mutakallimin' kini, asas kerelevannya tetap ada dan ia tidak harus dijadikan alasan untuk menolak karya-karya akidah bermetodologi sedemikian.

Dalam tradisi pengajian akidah, Muslim diajar bahawa sesuatu perkara yang melibatkan pegangan kepercayaan atau akidah hendaklah berasaskan ilmu yang meyakinkan. Al-Sanūsī misalnya menyatakan dalam bahagian awal kitabnya bahawa penyaksian tentang keesaan Allah SWT mestilah berdasarkan keyakinan yang tidak didatangi oleh sebarang keraguan dan kesangsian (*al-syukūk wa al-imtirā'*).¹⁰

⁸ Al-Dusūqī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn 'Arfaḥ (1939), *Hāsyiyah 'Alā Syarḥ Umm al-Barāhīn*. Miṣr: Maṭba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 30.

⁹ Al-Sanūsī, *op.cit.*, h. 51.

¹⁰ *Ibid*, h. 10

Dalam karya-karya rujukan pengajian akidah, lazimnya pengarang akan mengemukakan beberapa penjelasan tentang persoalan epistemologi yang antaranya menyentuh mengenai konsep 'ilmu'. Penjelasan tentang konsep 'ilmu' diketengahkan kerana prinsip-prinsip akidah yang ingin ditanam dalam fikiran manusia adalah merupakan prinsip yang berasaskan ilmu dan perlu diterima pula berdasarkan ilmu yang mencecah tahap yakin. Sebagai contoh, kitab *Jawharah al-Tawhīd* mendefinisikan ilmu sebagai "mengetahui sesuatu berdasarkan hakikatnya"¹¹ dan jenis pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan yang mencecah tahap yakin. Kecenderungan al-Taftāzānī mendefinisikan Ilmu Kalam sebagai "pengetahuan tentang kepercayaan yang terdapat dalam agama berdasarkan dalil-dalil yang meyakinkan (*al-adillah al-yaqīniyyah*)"¹² adalah jelas bertitik tolak dari kefahaman ini. Ini kerana dalil-dalil meyakinkan akan mengkonklusikan ilmu yang meyakinkan.

Apabila penekanan diberikan dalam pengajian akidah mengenai kepentingan memperolehi ilmu dalam bentuk yang meyakinkan, maka secara tidak langsung pengajian ini berjaya mengajar umat Melayu agar mereka menerima hanya ilmu yang bersifat '*ilm al-yaqīn*' atau yang bersifat '*al-taṣḍīq al-jāzīm*' sahaja, khususnya yang melibatkan prinsip-prinsip kepercayaan dan pegangan hidup. Metode penerimaan ilmu dan penarafan ilmu yang berasaskan 'kualiti kandungan pengetahuan' itu sendiri yang ditekankan dalam pengajian akidah membawa mesej yang jelas kepada umat Islam agar mereka tidak mudah menerima pegangan kepercayaan nenek moyang, warisan tradisi silam dan faham-faham ilmu yang tidak berdasarkan '*ilm al-yaqīn*'.¹³

¹¹ Nūḥ 'Alī Salmān, Dr. (2004), *al-Mukhtaṣar al-Muḥīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*, Kuala Lumpur: Maktabah al-Baian dan Akademi Pengajian Islam, h. 25.

¹² Al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn (t.t.), *Syarḥ al-Maqāṣid*. J. 1, Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 177.

¹³ Mohd Fauzi Hamat (2002), "Peranan Akidah Dalam Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini", *Jurnal Usuluddin*, bil. 16, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya., h. 28.

Lantaran itu, mereka dengan mudah menolak segala bentuk amalan animisme,¹⁴ dinamisme¹⁵ dan kepercayaan khurafat tinggalan nenek moyang yang kebanyakannya tidak berasaskan pengetahuan bersifat sedemikian, tetapi hanya bersifat 'sangkaan' semata-mata, atau mungkin juga yang boleh diistilahkan sebagai 'sangkaan jahiliah'.

Mereka juga seharusnya menolak segala faham moden yang berpindah dan terpuinggah ke Dunia Islam yang mana tahap kepercayaan tentang keabsahannya masih belum mencecah tahap 'yakin', apatah lagi yang masih berbentuk 'teori', malahan ada yang berbentuk 'hipotesis' atau 'andaian liar' semata-mata. Sebagai contohnya teori 'darwinisme' yang menganggap manusia bukan berasal dari Adam a.s, teori politik Machiaveli yang menghalalkan sebarang kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat, falsafah utilitarianisme yang menganggap nilai baik hanya terhadap kepada perkara yang boleh memberi manfaat kepada manusia menurut nilai akal yang terbatas, budaya hedonisme yang menganggap sesuatu yang baik ialah yang menyeronokkan dan boleh memuaskan nafsu manusia semata-mata dan sebagainya.

Dalam pengajian akidah, para ulama mengajar umat Islam agar mempercayai keesaan Allah SWT dan sifat-Nya secara yakin dan untuk memastikan unsur keyakinan

¹⁴ Animisme ialah kepercayaan akan adanya jiwa atau roh yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia, misalnya sebagaimana yang dinyatakan oleh O.K. Rahmat, ibu-ibu Melayu melarang anak-anaknya membuang nasi takut kalau-kalau *semangat* nasi itu terbang sehingga tidak berguna bagi tubuh manusia. Seorang kanak-kanak yang kuat makan tetapi kurus juga dikatakan sebagai akibat kemarahan *semangat* nasi. Lihat O.K. Rahmat S.H., Dr (1984), *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*, cet. Ketiga, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 35.

¹⁵ Dinamisme ialah kepercayaan adanya tenaga yang tak berperibadi dalam diri makhluk-makhluk alam, baik pada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau benda-benda lainya; juga pada kata-kata yang diucapkan atau dituliskan dan sebagainya. *Ibid*, h. 31.

dapat disematkan dalam hati sanubari orang Melayu, mereka mengemukakan dalil-dalil akal yang boleh menimbulkan keyakinan tersebut, sekaligus membuktikan kebenaran akidah Islam itu sendiri. Hal seperti ini tidak wujud dalam metodologi pengajaran prinsip-prinsip kepercayaan agama-agama lain selain daripada Islam. Lantaran itu, perbincangan tentang hujah-hujah akal sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis sebelum ini amat ditekankan. Para *mutakallimūn* amat menekankan penggunaan dalil-dalil yang kukuh bagi mencapai ma'rifah tentang Allah SWT dan pengetahuan tentang dalil-dalil tersebut pasti akan membantunya mencapai ma'rifah yang sebenar tentang Allah SWT. Lantaran itu ma'rifah didefinisikan sebagai "*jazam yang muwāfaqah (bertepatan) bagi yang sebenar daripada dalil*". Istilah "*jazam*" bermaksud "pegangan yang yakin yang berten-tangan dengan syak, *zann* dan *waham*".¹⁶

Bentuk pengajian seperti ini sebenarnya boleh menyumbang ke arah terbudayanya dalam masyarakat satu budaya berfikir yang mantap, di mana mereka akan menolak amalan bertaklid dalam hal yang melibatkan kepercayaan dan amalan hidup. Apatah lagi dalam pengajian akidah, para ulama sering menekankan bahawa dalam soal pegangan akidah, iman seseorang yang bertaklid dianggap sebagai tidak memadai. Jumhur ahli ilmu, termasuk al-Imām Abū al-Ḥasan al-Asy'arī, al-Qādī Abū Bakr al-Bāqillānī dan al-Imām al-Haramayn berpandangan bahawa keimanan yang diperolehi secara taklid adalah tidak memadai.¹⁷

Selain daripada itu, dalam pengajian akidah, penekanan turut diberikan tentang pentingnya mengembangkan potensi manusia, termasuk akalnya selaras dengan tuntutan *al-Asmā' al-Husnā* juga turut diberikan oleh ulama Islam. Dalam topik perbincangan ketuhanan yang terdapat dalam kurikulum pengajian akidah, penekanan diberikan tentang pentingnya kefahaman *al-Asmā' al-Husnā* dalam kehidupan manusia. Al-Imām al-Ghazālī menerusi risalahnya bertajuk *al-Maqṣad al-Asnā* pernah memperkatakan peri pentingnya manusia

¹⁶ Al-Faṭānī, *'Aqīdah al-Nājīn*, h. 12.

¹⁷ Al-Sanūsī, *Syarḥ Umm al-Barāhīn*, h. 55.

meniru 'akhlak Allah' yang tersirat di sebalik nama-nama-Nya yang agung seperti *al-'Alīm*, *al-Raḥmān*, *al-Raḥīm* dan sebagainya.¹⁸ Allah SWT telah meniupkan ruh-Nya¹⁹ ke dalam diri manusia sejak mula mereka dijadikan dan ini bererti Tuhan telah memberikan kepada manusia berbagai potensi atau kemampuan yang berkaitan dengan sifat-sifat Tuhan. Sifat-sifat Tuhan itu disebut dalam al-Qur'an sebagai nama-nama yang indah atau *al-Asmā' al-Ḥusnā* yang menyatakan Tuhan sebagai *al-Raḥmān*, *al-Raḥīm*, *al-Quddūs*, *al-Ḥayy*, *al-Muḥyi*, *al-'Alīm* dan sebagainya. Apabila Mukmin diajar supaya beribadah kepada Allah SWT, maka bererti ia diajar mengembangkan sifat-sifat atau potensi-potensi ini pada diri manusia menurut perintah dan petunjuk Tuhan.²⁰

Menurut Hassan Langgulung, kalau sifat-sifat Tuhan yang berjumlah 99 itu diaktualisasikan pada diri dan perbuatan manusia (dihayati dalam kehidupan sebenar manusia), nescaya ia merupakan potensi yang tak terkira banyaknya. Kalau sifat-sifat ini diambil satu-satu, kemudian dua-dua, kemudian tiga-tiga, dan seterusnya sampai 99 dalam bentuk kombinasi yang beraneka ragam, maka potensi ini akan berjumlah jutaan. Ini menggambarkan bagaimana komplikasinya potensi yang dimiliki oleh manusia, sehingga kalau ia diletakkan di sebuah lingkungan tanpa sumber-sumber hidup sama sekali, ia tetap akan *survive* kerana potensi yang dimilikinya itu.²¹ Dalam konteks kehidupan di rantau Melayu, orang Melayu bukan sahaja dianugerahkan oleh Allah SWT 'negara' yang berada pada kedudukan yang amat strategik dari segi letakan geografinya, tetapi juga dianugerahkan sumber alam yang pelbagai. Seandainya manusia Muslim *muwahḥid* yang mendiami rantau ini mengembangkan potensinya berdasarkan tuntutan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dan menguruskan sumber-sumber tersebut dengan cara yang bijaksana

¹⁸ Mohd Fauzi, *op.cit.*, h. 28.

¹⁹ Surah *al-Ḥijr*, 15: 29

²⁰ Hassan Langgulung (1988), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21*. Jakarta: Pustaka al-Husna, h. 59.

²¹ *Ibid*, h. 59-60.

berbekalkan kefahaman tentang *al-Asmā' al-Husna* dan kesedaran tentang kepen-tingan meniru sifat Allah SWT, sebagaimana yang tersirat di sebalik nama-nama-Nya yang mulia tersebut, tentunya rantau ini akan menjadi *baladatul tayyibatun wa rabbun ghafūr*.

Sorotan di atas adalah sebahagian dari elemen kekuatan dalaman pengajian akidah yang bukan sahaja mampu mencetuskan pembangunan minda Melayu, tetapi juga mampu membangun semua bangsa yang bersedia menerima ajaran ketuhanan tersebut.

Pengajian Akidah Sebagai Pencetus Pembangunan Minda Melayu

Apabila dibincangkan sumbangan pengajian akidah dalam pembangunan minda Melayu, rasanya tidak lengkap jika tidak disentuh tentang beberapa karya akidah yang digunakan dalam pengajaran disiplin ilmu ketuhanan tersebut. Sebenarnya banyak karya akidah telah dihasilkan, khususnya pada kurun ke 16 dan ke 17 oleh ulama Nusantara. Karya-karya ini yang dihasilkan dalam tulisan Jawi memainkan peranan yang besar dalam membangun minda Melayu. Merujuk kepada karya akidah yang digunakan dalam pengajian akidah, kitab *Umm al-Barāhīn* adalah antara karya akidah yang menjadi rujukan penting pengajian akidah di Alam Melayu. Terdapat sejarawan yang menyatakan bahawa kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada abad ke-15 lagi. Menurut buku *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah*, kitab ini telah diajar di Melaka, Aceh

²² Mohd Nor, *Kitab Jawi*, h. 2; Mahayudin Yahaya (2001), *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 44; Mohd Fakhruddin Abdul Mukti (2002), "The Background of Malay *Kalām* with Special Reference to the Issue of the *Sifāt* of Allah", *Jurnal AFKAR*, bil. 3, Mei 2002, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 30. Pada penulis penerimaan dan pengiktirafan ulama Melayu pada zaman lampau dan kini terhadap pendekatan yang diperkenalkan oleh al-Sanūsī menerusi *Umm al-Barāhīn* dalam meng-

dan Riau iaitu di Pulau Penyengat, sebagaimana yang dicatatkan oleh Raja Ali Haji.²²

Kebanyakan kitab rujukan pengajian akidah di Alam Melayu, sama ada yang berupa kitab syarahan karya tersebut ataupun yang berbentuk karya terjemahan atau adaptasi adalah berteraskan kitab *Umm al-Barāhīn*. Kitab *Jawharah al-Tawhīd* adalah karya syarahan popular bagi *Umm al-Barāhīn*. Kitab ini dihasilkan oleh Ibrāhīm Burhān al-Dīn al-Laqqānī (m. 1041 H./1631 M.).²³ *Jawharah al-Tawhīd* merupakan sebuah karya berbentuk ringkas dalam bentuk untaian bait sajak. Santri atau penuntut pusat-pusat pengajian pondok atau pesantren akan berusaha untuk menghafal keseluruhan teks tersebut, dan mempelajari berbagai *syarah* ke atasnya. Salah satunya ialah kitab *Tuhfat al-Murīd*, karangan Ibrāhīm al-Bājūrī.²⁴

Manakala karya terjemahan *Umm al-Barāhīn* ke bahasa Melayu pula, antaranya ialah kitab *Bidāyah al-Hidāyah* yang dihasilkan oleh Muḥammad Zayn bin Jalāl al-Dīn pada tahun 1757 M., Kitab *Sirāj al-Hudā* yang dihasilkan oleh Muḥam-

huraikan akidah Islam adalah berasaskan fakta bahawa huraian tersebut mudah difahami oleh masyarakat. Adalah suatu yang jelas bahawa pendekatan itu diperkenalkan untuk memudahkan orang awam memahami tentang 'Tuhan' berasaskan sifat-sifat yang digali dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam kajian Syed Dawilah, sebagaimana yang dipetik oleh Mohd Fakhruddin, kejelasan (*lucidity*) dan keterangkuman (*comprehensiveness*) perbincangan kitab tersebut menjadikannya sebagai penyumbang doktrin rasmi dalam bidang akidah di Alam Melayu, Mohd Fakhruddin, *ibid*, h. 16. Itulah sumbangan al-Sanūsī untuk Alam Melayu sejak dari zaman silam hingga kini. Umat Islam kini wajar menghargai sumbangan tersebut. Lantaran itu, adalah tidak menghairankan andaikata pendekatan 'sifat dua puluh' ini amat popular bukan sahaja di Alam Melayu, tetapi juga di Mekah dan Mesir. Di Malaysia sebagai contohnya, pendekatan sifat 20 yang berteraskan aliran mazhab al-Asyā'irah diterapkan dalam pengajian akidah, khususnya di peringkat rendah dan menengah, sama ada di institusi formal mahupun informal. Untuk keterangan lanjut lihat Mudasar Rosder (2001), "Persoalan Sifat Dua Puluh" dalam Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah (eds), *Islam: Akidah Dan Kerohanian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 58.

²³ Mohd Fakhruddin, "The Background," h. 16.

²⁴ Van Bruinessen, Martin (1995), *Kitab Kuning Pesantren Dan Tarekat*. Bandung: Penerbit Mizan, h. 156-157.

mad Zayn al-Dīn bin Muhammad Badawī al-Sambāwī pada tahun 1886 M. dan kitab *'Aqīdah al-Nājīn* yang dihasilkan oleh Zayn al-'Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī pada tahun 1890 M. atau 1308 H.²⁵ Terdapat banyak kitab akidah karangan ulama Melayu yang bersumberkan perbincangan *Umm al-Barāhīn*. Antaranya ialah kitab *'Aqīdah al-'Awām*,²⁶ *al-Durr al-Thamīn*²⁷ dan kitab *Zahrah al-Murīd* yang dikarang oleh 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī pada tahun 1177 H./1746M.²⁸

Selain daripada karya akidah berasaskan aliran al-Asyā'irah, khususnya yang bersumberkan *Umm al-Barāhīn*,

²⁵ Mohd Nor, *Kitab Jawi*, h. 1-2; Zayn al-'Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī (t.t.), *'Aqīdah al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*. Miṣr: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabīyah, h. 139. Kitab *'Aqīdah al-Nājīn* atau nama lengkapnya *'Aqīdah al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn* adalah sebuah kitab yang boleh dikategorikan sebagai kitab 'muktabar' dalam bidang tauhid khususnya di Nusantara. Karya ini bukan sekadar terjemahan *Umm al-Barāhīn*, bahkan lebih daripada itu, ia boleh dikategorikan sebagai suatu komentar dan olahan peribadi Syaykh Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī dan sumber olahan dan komentar ini adalah diambil dari *syarḥ* dan *ḥāsyīyah Umm al-Barāhīn* itu sendiri. Lihat Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Beberapa Aspek Epistemologi*, h. 109.

²⁶ Kitab *'Aqā'id al-'Awām* dikarang Abū al-Fauz al-Marzuki, seorang pengarang yang sangat aktif sekitar tahun 1864 M. Karya yang telah diterjemahkan judulnya ke dalam bahasa Melayu dengan 'Simpulan Iman Bagi Orang Yang Awam' ini merupakan sebuah kitab ringkas berbentuk sajak yang ditujukan kepada kalangan yang berusia muda, yang dihafal oleh santri sebelum mereka mulai memahami bahasa Arab. Karya ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Jawa oleh K.H. Bisri Mustofa dari Rembang, bahasa Madura oleh Abdul Majid Tamim dari Pamekasan dan telah disyarahkan oleh Nawawi Banten dengan judul *Nūr al-Zalām*. Untuk keterangan lanjut, lihat Mahayudin, *Islam di Alam Melayu*, h. 76; Van Bruinessen, Martin, *Kitab Kuning*, h. 156; Mohd Fakhruddin, "The Background," h. 28.

²⁷ Kitab ini dikarang oleh Sheikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī pada tahun 1232 H./1816 M. Tokoh ini juga turut mengarang kitab *al-Jawāhir al-Saniyyah* yang turut menyentuh perbincangan akidah semasa beliau menetap di Taif pada tahun 1252 H. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd Nor, *Kitab Jawi*, h. 6; Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *al-Jawāhir*, h. 276.

²⁸ Mohd Fakhruddin, *The Background*, h. 28. Bandingkan Che Razi Jusoh (2000), "Sifat Dua Puluh: Satu Sorotan Sejarah". *Majalah al-Hikmah*, bil. 1, Tahun 6, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 40.

terdapat karya akidah berasaskan aliran al-Māturīdī yang turut tersebar di Alam Melayu. Terdapat beberapa tokoh ulama Melayu silam dan baru yang mensyarahkan karangan ulama dari aliran al-Māturīdī. Yang paling terkenal ialah Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī yang mengarang kitab *Durrah al-Farā'id fī 'Aqā'id Ahl al-Tawhīd* (ditulis antara tahun 1634-1635) yang merupakan terjemahan dan sekaligus syarahan kepada kitab *Sharh 'Aqā'id al-Nasafī* oleh Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī. '*Aqā'id al-Nasafī* adalah kitab tersohor yang menyimpulkan aliran al-Māturīdī. Ia disusun oleh 'Umar Najm al-Dīn al-Nasafī (m. 1142).²⁹ S.M.N. al-Attas menyimpulkan bahawa manuskrip '*Aqā'id al-Nasafī* ditulis dalam tahun 998 H./ 1509 M.³⁰ Menurut Wan Mohd Saghir, terjemahan karya ini didapati pada zaman Shaykh Faqīh Wan Musa al-Fatānī dalam tahun 1002 H./ 1593 M, tetapi tidak diketahui nama penterjemah dan dari daerah mana beliau berasal.³¹ Menurut S.M.N. al-Attas, karya terjemahan bahasa Melayu bagi '*Aqā'id* mengandungi 179 perkataan Arab dan 2 perkataan Parsi.³² Dalam hal ini, Dr. Amat Juhari Moain yang turut meneliti manuskrip tersebut dari

²⁹ Che Razi, *ibid*.

³⁰ Al-Attas, S.M.N. (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16 th Century Malay Translation of The 'Aqā'id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya, h. 6. Menurut Asmah Hj. Omar, S.M.N. al-Attas yang menganalisis kitab *Aqā'id* telah memperkatakan *Aqā'id* dari berbagai-bagai sudut: kandungannya, terjemahan kandungan itu dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu, tulisan dan ejaan, perbendaharaan kata dan makna yang didukung oleh kata dan ungkapan menerusi karyanya *The Oldest Known*. Semuanya itu dilakukan dengan penuh teliti dan ilmiah, yang mencerminkan pencapaian peringkat keserjanaan yang tinggi. Lihat Asmah Hj. Omar (1991), *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqā'id Al-Nasafī*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 2. Menurut Che Razi Jusoh, al-Attas telah berjaya memudahkan perbincangan '*Aqā'id al-Nasafī* dengan menyediakan edisi terbaik dari segi transliterasi, terjemahan ke dalam bahasa Inggeris, huraian makna dan terminologi dan glosari. Lihat Che Razi, *Sifat Dua Puluh*, h. 41.

³¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (1999), *Penyebaran Islam Dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, h. 10.

³² Al-Attas, *The Oldest Known*, h. 77.

sudut bahasa, menegaskan bahawa perkataan Arab yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu dalam karya tersebut menjadikan bahasa Melayu berkembang dan meningkatkan kemampuannya dalam membahas ilmu 'Aqā'id yang menjadi asas ajaran Islam.³³

Terdapat ramai sarjana yang mengkaji sejarah kemasukan Islam ke Alam Melayu mengakui sumbangan yang telah diberikan oleh pengajian akidah dalam mencetuskan perubahan masyarakat di rantau ini. Perubahan yang dimaksudkan di sini ialah dari pelbagai segi; pemikiran, kehidupan sosial, politik dan sebagainya. Islam telah memperkenalkan konsep baru kepada orang Melayu, di mana Muslim dikehendaki melakukan amalan-amalan hidup berpandukan kepada pegangan akidahnya.³⁴ Sistem nilai dan *world-view* orang Melayu mengalami proses evolusi yang penting apabila mereka menerima Islam. Berasaskan nilai dan *world-view* Islam, mereka mampu melihat dan menilai alam dalam suatu perspektif yang lebih luas, mencakupi penglibatan dengan kehidupan di dunia dan di akhirat.³⁵ Dalam erti kata lain, mereka berupaya melihat adanya jalinan hubungan antara kehidupan dunia ini dengan kehidupan di alam akhirat, lantaran itu segala apa yang dilakukan oleh manusia di alam ini akan dinilai oleh Allah SWT di hari kebangkitan mereka pada padang Mahsyar.

Kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan orang Melayu dari menyembah cakerawala dan patung kepada menyembah Allah Yang Maha Esa. Dengan kehadirannya, muncul zaman Islam di Nusantara yang bermula kira-kira pada abad kesembilan Masihi lagi. Manuskrip Melayu yang membincangkan tentang Islam telah memainkan peranan

³³ Amat Juhari (2000), "Sejarah Perkembangan Pengintelektualan Bahasa Melayu", *Jurnal Filologi Melayu*. Jilid 8, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 4 & 5.

³⁴ Amran Kasimin (1991), *Religious and Social Change Among the Indigenous People of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 181.

³⁵ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2001), "Imej Melayu Dalam Masyarakat Melayu Tradisional" dalam Yaacob Harun, (eds), *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 509.

yang begitu aktif dan berpengaruh. Antara peranannya ialah pembentukan sikap dan pemikiran agama orang Melayu.³⁶ Kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT yang dipegang oleh orang Melayu dengan panduan Islam yang disampaikan menerusi pendidikan telah berjaya menghapuskan kepercayaan Hinduisme dan Budhisme di kalangan orang Melayu.³⁷

Dari sudut budaya pula, kedatangan Islam telah berjaya menghapuskan atau sekurang-kurangnya mengurangkan penyebaran budaya khurafat dalam masyarakat. Sebagai contoh, persembahan yang dijadikan amalan ritual tradisi dan dikenalpasti mengandungi kepercayaan khurafat. Ini termasuklah 'Main Peteri', 'Main Dewa', Berpuar dan 'Main Pantai'. Mainan-mainan ini popular sebagai upacara yang mempunyai kaitan dengan makhluk-makhluk luar biasa, dan ia dilakukan demi kepentingan atau keperluan tertentu seperti tujuan berubat dan menjaga keselamatan atau kesejahteraan hidup. Persembahan ini dilakukan oleh bomoh atau pawang yang dipercayai dapat melakukan ritual terhadap makhluk ghaib yang dipercayai dapat membawa kebaikan bersama dan menjauhkan bencana atau gangguan makhluk-makhluk ghaib.³⁸

Dalam tradisi pengajian Islam, pengajian akidah banyak mengenengahkan perbincangan mengenai hari akhirat dan perkara *al-Sam'iyiyāt* yang lain. Kefahaman mengenai hal ini tentunya boleh membuka minda orang Melayu, bahawa ada kehidupan lain selepas kematian manusia. Lantaran itu, mereka perlu menyelaraskan seluruh tindak-tanduk mereka sesuai dengan peraturan syariat agar mendapat balasan baik selepas mati. Jika dilihat dari aspek ini, wajar ditegaskan bahawa pengajian akidah sebenarnya menyumbang kepada wujudnya tamadun Melayu berasaskan wahyu di rantau ini. Ini kerana ia menyumbang ke arah pembentukan pandangan

³⁶ Mahayudin Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, h. 60 dan 92.

³⁷ Amran Kasimin, *Religious*, h. 181.

³⁸ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1999), "Budaya Tradisi Dalam Konteks Budaya Popular Semasa", *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 9. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 5 dan 7.

semestanya yang tersendiri, pandangan yang menggagaskan antara lain, fahaman bahawa alam ini bukannya ditadbirkan oleh sekumpulan dewa, tetapi ianya dicipta oleh Pencipta Yang Maha Esa, manusia dipertanggungjawabkan di akhirat nanti di atas segala tindak-tanduknya di dunia ini dan segala amalan manusia yang mematuhi hukum alam dan hukum syariah ciptaan Tuhan pasti mendapat balasan yang baik di dunia dan di akhirat.³⁹

Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah memuji peranan para penulis bijak pandai dan penterjemah handal berbangsa Melayu yang menghasilkan karya-karya ilmiah bertujuan untuk meninggikan adab dan susila serta kesedaran orang ramai terhadap kemuliaan insan dan keagungan Tuhan menerusi Islam pada masa lampau.⁴⁰ Apakah karya ilmiah yang membincangkan mengenai kemuliaan insan dan keagungan Tuhan ini? Pada penulis, karya akidah adalah antara karya yang dimaksudkan oleh beliau. Ini kerana perbincangan akidah sama ada yang ditekankan dalam pengajian akidah atau tasawuf, jelas terfokus kepada persoalan keagungan Allah SWT. Ternyata bahawa pengajian ini memang berjaya meninggikan adab dan susila orang Melayu dan menanamkan kesedaran dalam hati orang Melayu tentang kemuliaan insan dan keagungan Allah SWT. Kesedaran tentang kemuliaan insan dan keagungan Allah SWT ini terhasil setelah minda mereka dapat dibangunkan menerusi sentuhan paradigma tauhid yang menawarkan *world view* yang lengkap dan jelas tentang kedudukan manusia itu sendiri dan kedudukan Allah SWT dalam seluruh sistem kewujudan yang berpaksikan kepada *Wājib al-Wujūd* iaitu Allah SWT.

Untuk menunjukkan penghargaan terhadap sumbangan karya para ulama silam, termasuk karya akidah dalam membuka minda Melayu, al-Attas menyatakan bahawa sumbangan ilmuwan Islam dari kelompok Mutakallimun dan

³⁹ Hashim Hj. Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 44-45.

⁴⁰ A-Attas, S.M. Naquib (1999), *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 21.

Ahli Mantiq, di samping beberapa kelompok yang lain, dalam mengemukakan teori atau faham dan kenyataan-kenyataan berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengenalan kepada orang Melayu berkenaan ontologi, kosmologi dan psikologi, menerusi risalah dan kitab-kitab mereka, adalah cukup besar.⁴¹ Tidak diragui lagi bahawa pengajian akidah memberi sumbangan yang cukup besar dalam membangun minda Melayu sejak zaman silam lagi dan selagi disiplin tersebut masih kekal dengan nilai kebenaran dan kekudusannya, ia tetap akan menyumbang dalam aspek ini di sepanjang masa. Untuk membolehkan pengajian akidah terus menyumbang secara yang lebih berkesan dalam membangun minda Melayu kini, pendekatan yang sama dengan huraian berbentuk semasa perlu digunakan agar disiplin ilmu ketuhanan tersebut mampu mencabar kemasukan faham-faham Barat moden yang mengelirukan umat Islam.

Adalah amat mustahak ditekankan dalam pengajian akidah kini, kepentingan mengenengahkan ciri-ciri kekuatan akidah yang mampu dikaitkan dengan cabaran modernisasi kini, misalnya bagaimana unsur-unsur akidah mampu membina minda Melayu baru sehingga mereka mampu berdepan dengan kemasukan faham-faham moden yang tidak berasaskan hujah-hujah akal yang meyakinkan. Kalau ulama Kalam di zaman silam mampu menggunakan pendekatan pengajian akidah untuk menghadapi serangan dari aliran falsafah Greek dan dari serangan ahli-ahli teologi agama Kristian yang menggunakan pendekatan akliah dan berjaya mempengaruhi sebilangan umat Islam sehingga melahirkan golongan-golongan sesat seperti al-Bātiniyyah, al-Karāmiyyah dan al-Jahmiyyah; kalau ulama kalam tersebut mampu menewaskan musuh Islam di gelanggang mereka dengan menggunakan senjata mereka sendiri, maka kenapa tidak pendekatan yang sama digunakan untuk menentang aliran-aliran moden yang bertuhankan pendekatan akliah yang menjadi ancaman umat Islam di sepanjang zaman. Dalam konteks masa kini, pendekatan

⁴¹ Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah*, h. 20-21; *Idem* (1981), *Islam Dan Sekularisme*. Terj. Karsidjo Djojosuwarno, Bandung: Penerbit Pustaka-Perpustakaan Salman ITB, h. 248-249.

akliah ini merupakan inti kepada peradaban Barat moden, sebagaimana terjelma dalam pelbagai bentuk aliran seperti rasionalisme, humanisme, positivisme, scientisme dan lain-lain lagi.⁴²

Andainya perkara ini dapat dilakukan oleh para ulama dan ilmuwan kini, umat Islam bukan sahaja akan dapat menghindarkan diri dari terpengaruh dengan faham-faham moden Barat tersebut, tetapi juga dapat mengelakkan diri dari menjadi penyebar budaya-budaya songsang Barat yang merosakkan, misalnya budaya hedonisme atau budaya 'bebas-lepas' yang sedang menggugat keutuhan umat Melayu masa kini. Ini bermakna perlu dimasukkan dalam kurikulum pengajian akidah, khususnya di peringkat universiti cabaran-cabaran faham moden terhadap umat Islam dan bagaimana pendekatan akidah Islam boleh menolak faham tersebut.

Adalah amat tidak bijak andainya pengajian akidah hanya membicarakan secara terbatas kejayaan ulama silam menyanggah cabaran aliran al-Khawārij, Qadariyyah dan Muktazilah, misalnya sedangkan umat kini yang berdepan dengan berbagai cabaran baru yang berbagai tidak dipersembahkan kepada mereka kaedah-kaedah 'keakidahan' yang boleh mengupayakan mereka untuk berdepan dengan cabaran mereka kini dalam persekitaran semasa. Mustahak dinyatakan di sini bahawa di kala kita menatap karya akidah yang membentangkan polemik antara al-Asya'irah dan golongan Muktazilah, kita tidak sepatutnya sekadar meneliti krono-logi perdebatan tersebut secara zahir semata-mata, tetapi kita patut meneliti kaedah dan metodologi berfikir yang digunasaikan oleh golongan tersebut dalam mempertahankan doktrin masing-masing. Setelah itu, ditinjau apakah aliran-aliran pemikiran menggelirukan masa kini yang mempunyai ciri yang sama dan mungkin menerapkan kaedah dan metodologi berfikir yang sama sebagaimana yang dipraktikkan oleh aliran mazhab tersebut. Hasil dari penelitian tersebut, pendokong aliran al-Asya'irah kini akan

⁴² Mohd Farid Mohd Shahrān (2001), "Asha'irah Dan Ahl al-Sunnah: Satu Pandangan Balas". *Majalah al-Hikmah*, No. 19, bil. 2, Tahun 7, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 50..

dapat memanfaatkan strategi dan metodologi yang sama untuk menolak faham-faham moden kini yang mengelirukan umat Islam.

Pengajian akidah yang berlangsung dalam masyarakat Melayu, khususnya masa kini harus menyumbang ke arah melahirkan manusia Melayu yang ditegaskan oleh al-Attas sebagai "manusia Islam yang mana minda dan bahasanya tidak lagi dikendalikan oleh ilmu ghaib, mitologi, animisme, tahyul, tradisi-tradisi tradisional dan budayanya serta sekularisme."⁴³ Kalau ini dapat dilakukan, ilmuwan kini akan mampu menonjolkan kekuatan sebenar akidah Islam sebagai momentum dalaman dan pencetus ke arah pembangunan minda Melayu yang selanjutnya akan mencetuskan pula perubahan luaran secara holistik dalam seluruh aspek kehidupan manusia.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, disimpulkan bahawa kekuatan dalaman yang terkandung dalam akidah itu sendiri sebenarnya berupaya membangun minda Melayu dan mampu memunculkan suatu peradaban yang unggul di Alam Melayu. Andaikata pengajian akidah yang berlangsung dalam masyarakat kini tidak mampu untuk menatijahkan kesan di atas, maka semua pihak perlu mengkaji seluruh operasi program pengajian akidah yang sedang berlangsung dalam masyarakat kini. Kelemahan tidak harus hanya dilihat kepada kandungan pengajiannya yang berasaskan ijtihad ulama silam dan metodologi falsafah yang mendokonginya, tetapi juga perlu dilihat pada ketidakupayaan sarjana kini untuk memperkenalkan kepada masyarakat satu sistem pengajian akidah terbaik yang sesuai dengan keperluan kontemporari. Program pengajian yang diperkenalkan diharapkan mampu mengupayakan ummah untuk mendepani cabaran kemasukan faham-faham Barat yang bertentangan dengan prinsip akidah Islam.

⁴³ Al-Attas, *Islam Dan Sekularisme*, h. 265.